

## Kejadian tanah runtuh di Cameron Highlands

- **24 Mei 2016** - berlaku di Pekan Kampung Kuala Terla, 5 kilometer dari Kampung Raja. Tiada kematian direkodkan.
- **14 Januari 2016** - berlaku di Kampung 1, Batu 49, Terisu menyebabkan seorang lelaki warga Bangladesh maut.
- **9 November 2015** - berlaku di antara Batu 20 hingga Batu 23 di Jalan Pahang dari Tapah ke Cameron Highlands. Tiada kematian direkod.
- **30 Disember 2014** - berlaku di kilometer 46 Jalan Brinchang-Tringkap, menyebabkan seorang wanita hamil dan anak lelakinya maut.
- **5 November 2014** - berlaku di Kampung Raja di Pekan Ringlet dan Lembah Bertam akibat hujan lebat menyebabkan 5 warga asing maut.
- **23 Oktober 2013** - berlaku di Pekan Ringlet dan Lembah Bertam menyebabkan 3 warga asing maut, 80 rumah dan 100 kenderaan rosak.
- **7 Ogos 2011** - berlaku di Perkampungan Orang Asli, Sungai Ruil, Brinchang menyebabkan 6 maut.



**Banjir kilat** di Cameron Highlands menyebabkan 853 penduduk di empat kampung Orang Asli di Pos Terisu, terputus hubungan.

# Cameron Highlands banjir lagi

➔ Hampir 1,000 Orang Asli dari 4 kampung terputus hubungan selepas jambatan runtuh

Oleh **Shamsul Kamal Amarudin**  
shaka@bh.com.my

► Ipoh

**K**ejadian banjir terbaharu di Cameron Highlands menyebabkan 853 penduduk di empat kampung Orang Asli di Pos Terisu, terputus hubungan selepas jambatan utama ke perkampungan berkenaan runtuh.

Dalam kejadian pada jam 2.30 pagi itu, jambatan sepanjang 12 meter dan lebar 7.5 meter yang terletak di Batu 49, Kuala Terla, runtuh akibat dilanda arus deras Sungai Ulu Telom.

Ketua Polis Daerah Cameron Highlands, Deputy Superintendan Zainal Abidin Othman, berkata punca kejadian dipercayai kerana arus dua anak sungai iaitu Sungai Tringkap dan Sungai Kuala Terla memasuki Sungai Ulu Telom akibat hujan lebat berterusan sejak malam kelmarin.

“Berikutan itu, penduduk sekitar bergotong-royong dengan menggunakan besi untuk dijadikan laluan

sementara kegunaan motosikal bagi menggantikan jambatan berkenaan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

### Banjir kilat sejam

Banjir kilat selama sejam itu, kata Zainal Abidin turut mengakibatkan tiga kereta dan tiga motosikal di Jalan Kolam Air, Brinchang, rosak akibat dihanyutkan arus, manakala kereta milik pelancong rosak akibat dihempap pokok dan beberapa rumah penduduk turut dinaiki air sedalam 0.3 meter.

Katanya, kereta dan motosikal yang dibawa arus sungai itu dapat diselamatkan kerana tersangkut pada rumah mangsa berikutan kediaman itu berhampiran dengan anak sungai.

Beliau berkata, polis menerima lima laporan berhubung kejadian itu tetapi tiada sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa berlaku selain tiada penduduk dipindahkan.

Untuk komen  
e-mel ke bhnews.bh.com.my  
atau di laman Facebook BH Online



**Banjir kilat berterusan** sejak malam kelmarin menyebabkan jalan ke Perkampungan Orang Asli di Pos Terisu rosak.